

Penerima bantuan JKM jadi usahawan

➔ Status OKU tak halang Zakiah manfaat projek 2YEP

Oleh Mohd Amin Jalil
bhnews@bh.com.my

▀ Seremban

Status orang kurang upaya (OKU) tidak menghalang Nur Zakiah Dzulkifli, 32, mengubah nasib daripada menjadi penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kepada usahawan berjaya.

Menerusi projek perintis 2 Years Exit Programme (2YEP) jabatan itu,

Nur Zakiah yang tidak mampu menggerakkan bahagian pinggang ke bawah sejak kecil akibat penyakit polio, menerima bantuan mulakan perniagaan pada 2014.

“Sebelum ini, saya penerima bantuan Elaun Pekerja Cacat (EPC) JKM sebanyak RM350 sebulan. Bagaimanapun, keadaan berubah apabila JKM menawarkan saya menjadi usahawan.

Nekad mulakan perniagaan

“Dengan bantuan kewangan sebanyak RM2,700 oleh JKM, selain simpanan sendiri RM10,000 serta pinjaman Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) sebanyak RM5,000, saya nekad memulakan perniagaan mengeluarkan minyak wangi halal.

“Selepas tiga tahun, saya mendapat bantuan mesin daripada Ja-

batan Tenaga Kerja (JTK) bernilai RM65,000 dan kini perniagaan saya berkembang maju dengan produk minyak wangi jenama Classic Red Parfum,” katanya, semalam.

Beliau yang berasal dari Kampung Baru Jemapoh, Kuala Pilah dan menjalankan perniagaan di Pusat Komersial Lavender Height Senawang di sini, kini memperoleh pendapatan bersih mencecah RM15,000 sebulan.

Beliau mengakui bantuan JKM melalui program 2YEP membabitkan suntikan modal, khidmat nasihat dan sokongan moral berterusan adalah kunci kejayaannya.

“Saya bersyukur dan tidak menyangka mampu menjadi usahawan berjaya kerana sejak kecil dibelenggu kecacatan yang disangka menghalang untuk saya berdikari,” katanya.

[FOTO MOHD AMIN JALIL/BH]



Nur Zakiah menunjukkan produk minyak wangi yang dihasilkan menerusi program 2YEP di Seremban, semalam.